

Timah jadi isu penting dialog Asean-AS

MANILA, Ahad — Timah dijangka merupakan perkara penting dalam dialog keempat Asean-Amerika di Washington bulan depan berikutan keputusan Malaysia mengurangkan pengeluaran dan mengambil langkah mengadakan peraturan pemasaran bersama dengan lain-lain pengeluar timah.

Amerika Syarikat sebuah negara pengguna utama timah baru-baru ini menimbulkan keraguan di kalangan pengeluar kerana tidak menyertai Perjanjian Timah Antarabangsa Keenam (ITA-6).

Negara tersebut juga memiliki simpanan stok timah Pentadbiran Perkhidmatan Am (GSA) yang sentiasa mengancam para pengeluar timah dari segi harga.

Ketua Pengarah Asean-Filipina, Encik Sime Hidalgo, yang awal minggu ini memengeruskan mesyuarat persiapan kumpulan Asean bagi dialog yang akan datang memberitahu, timah akan merupakan satu dari isu utama yang akan dibincangkan di dia-

log itu.

Timah ialah satu isu utama kepada Asean kerana tiga negara anggotanya - Malaysia, Indonesia dan Thailand - mengeluarkan lebih dari dua pertiga pengeluaran timah dunia. Bolivia ialah sebuah lagi negara pengeluar utama.

Asean dijangka melahirkan perasaan tidak puas hatinya berhubung pengeluaran timah dari simpanan stok GSA Amerika sejak Disember 1981 kepada pasaran dunia yang telah melemahkan harga timah.

Dalam negeri

Pengeluaran terbaharu ini adalah luar biasa kerana pada masa lalu pengeluaran itu hanya untuk penggunaan dalam negeri.

Ini menjadi sukar lagi berikutan tindakan Pasaran Laga London (LME) mengurangkan premium bagi penyerahan lambat yang menimbulkan kemarahan Malaysia dan lain-lain pengeluar.

Malaysia menghadapi kedua cabaran itu dengan mengumumkan pengurangan pengeluaran 25 peratus (bersamaan dengan 15,000 tan) setiap tahun mulai tahun depan dari paras 60,000 tan kini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mengumuhkan pengurangan itu berkata, tindakan tersebut diambil berikutan dengan keadaan yang tidak menentu dalam pasaran timah bila harga dinaikkan atau meleset tanpa sebarang sebab.

Dan Asean juga sedang mengadakan rundingan dengan lain-lain pengeluar seperti Indonesia mengenal peraturan pemasaran bersama untuk 'mengelakkan amalan-amalan yang menjelaskan kepentingan-kepentingan mereka'.

"Timah adalah satu isu antarabangsa dan kita terpaksa menghadapinya di berbagai penjuru," celah Ketua Pengarah Asean-Malaysia, Encik Yusof Hitam yang bertindak sebagai Ketua Perwakilan Malaysia ke mesyuarat perediaan itu.

"Amerika Syarikat ialah salah satu daripadanya," jelasnya.

Malaysia dan lain-lain negara pengeluar timah sentiasa memandang kewujudkan simpanan stok GSA sebagai satu faktor yang tidak menstabilkan ke atas harga barangan itu kerana sebarang pengumuman tentang niat mengeluarkan simpanan dari stok itu boleh membandar harga logam itu jatuh.

Bagaimanapun, disebabkan

dialog Asean-Amerika bukan merupakan satu mesyuarat khusus bagi timah, Asean tidak boleh mengharapkan banyak, tetapi sekadar menyatakan rasa tidak puas hati mereka berhubung dengan penjualan itu dan merayu agar masalah itu mendapat perhatian wajar demi perhubungan antarabangsa.

Selain dari itu, Asean juga boleh mendapat sesuatu darinya jika pertumbuhan itu dapat memujuk Amerika Syarikat beresetuju mengantungkan penjualan simpanan GSA serta-merta bila harga timah jatuh dari satu paras tertentu.

Setakat ini Amerika telah mengeluarkan 9,000 tan timah dari simpanannya.

Selain dari timah, getah ialah satu lagi barangan yang akan ditimbulkan dalam dialog itu nanti.

Mengenal perdagangan, Asean akan meminta liputan barangan buatan yang lebih luas, potongan tarif yang lebih besar dan akan cuba menghapuskan dasar kenaikan tarif.

Asean juga akan membincangkan peluang-peluang kewangan dan pelaburan, tenaga, pertanian, teknologi sains, kawalan narkotik pelajaran dan latihan, rancangan-rancangan kebudayaan dan perkapalan. — Bernama.